

17 SEP 1999

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI KE SABAH

TAWAU, 17 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, hari ini untuk lawatan dua hari ke Sabah selepas mengakhiri lawatan ke Labuan.

Ketibaan beliau disambut oleh Ketua Menteri Datuk Osu Sukam serta para pemimpin parti komponen BN Sabah.

Sejurus selepas tiba, Dr Mahathir menaiki helikopter ke Lahad Datu, kira-kira 100km dari sini untuk merasmikan ladang Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) di Bahagak, kira-kira 50km dari Lahad Datu di pantai timur Sabah.

Pada sebelah petang beliau akan ke Kota Kinabalu untuk mengadakan pertemuan dengan Badan Perhubungan Umno Sabah dan menghadiri majlis makan malam bersama pemimpin masyarakat.

Esok, beliau dijadual berlepas dengan helikopter ke Kundasang, kira-kira 80km dari Kota Kinabalu untuk merasmikan dua kejohanan sukan bertaraf dunia yang berlangsung di kaki Gunung Kinabalu.

Acara pertama ialah Trofi Larian Gunung Dunia Ke-15 di Taman Kinabalu.

Kira-kira 190 orang mengambil bahagian bersama 52 pegawai dari 33 negara akan menyertai kejohanan berprestij itu.

Selepas acara di Taman Kinabalu, Dr Mahathir akan ke Kelab Golf Gunung Kinabalu, untuk merasmikan kejohanan jempunan luncur udara Malaysia "Kinabalu Challenge '99", iaitu satu kejohanan yang mampu menjadikan Malaysia destinasi utama sukan luncur udara di peringkat antarabangsa.

Selepas acara di Kundasang, beliau akan ke Tuaran untuk bertemu pemimpin BN negeri serta menyampaikan syarahan perdana pada Konvensyen Pemuda BN kebangsaan.

Beliau dijadual pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petang.

-- BERNAMA

NT PR